

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1998/99**

**Ogos / September 1998**

**PPG 214 / PDP 414 : Kaedah Mengajar Bahasa Malaysia I**

**Masa : [ 2 jam ]**

---

**Arahan :** Jawab **TIGA** (3) soalan. Soalan **Satu** (1) adalah wajib dan pilih **Dua** (2) soalan daripada Bahagian Pilihan. Pemberatan markah adalah sama bagi setiap soalan.

**SOALAN WAJIB**

Bincangkan sejarah pertumbuhan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan. Perbincangan hendaklah bermula dari tahun 1956 sehingga ke pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara.

[ 100 markah ]

**SOALAN PILIHAN**

2. a) Bincangkan berapa kaedah mengajar bacaan dan pemahaman  
b) Apakah yang anda faham dengan DRTA dan SQ3R dan sediakan satu rancangan mengajar bacaan dan pemahaman puisi di kalangan pelajar Tingkatan IV.
- [ 100 markah ]
3. a) Bincangkan teori-teori berikut. Perbincangan hendaklah disertakan dengan contoh-contoh yang boleh dilaksanakan semasa pengajaran Bahasa Melayu.  
i) Teori Huraian Bahasa  
ii) Teori Pemerolehan Bahasa
- b) Apakah gagasan Bahasa Melayu Merentas Kurikulum dan nilaikan setakat mana gagasan ini dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [ 100 markah ]

...2/-

4. a) Apakah yang anda faham dengan pemikiran kreatif dan kritis.  
b) Bagaimanakah hendak menyerapkan Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif dalam pengajaran Bahasa Melayu agar pelajar boleh berbahasa dengan baik.  
[ 100 markah ]
5. a) Nyatakan beberapa teori atau kaedah penulisan yang boleh digunakan dalam pengajaran Bahasa Melayu.  
b) Dengan menggunakan pendekatan proses sediakan satu set Rancangan Pelajaran Karangan di kalangan pelajar Tingkatan IV.  
[ 100 markah ]
6. a) Bagaimanakah anda hendak memilih dan menggunakan bahan-bahan sastera dalam pengajaran bahasa.  
b) Buat satu persediaan mengajar dengan menggunakan puisi (sajak atau pantun) bagi tujuan pengajaran penghayatan bahasa di kalangan pelajar Tingkatan IV.  
[ 100 markah ]

- 0000000 -